

NAMA:

CERITA "BERSATU HATI"

Menjawab soalan pemahaman berdasarkan cerita pada buku teks Bahasa Melayu Jilid 1 Tahun 3 halaman 76.

Bersatu Hati

Nenek, bolehkah nenek bercerita?
Apakah maksudnya?

Boleh, Fatim. Tajuk cerita nenek ialah Bersatu Hati.

Kamu dengar cerita nenek dahulu. Nanti kamu tahu akan maksudnya.

Pada suatu ketika dahulu, Husin, Raju dan Lim ke hutan. Mereka mencari kayu api.

Tiba-tiba, Raju ternampak seekor ayam hutan. Dia mengekori ayam hutan itu tanpa disedari oleh rakan-rakannya.

Apabila hendak pulang, barulah Husin dan Lim tersedar akan kehilangan Raju. Mereka ingin mencarinya. Namun, mereka tidak berani meredah hutan kerana hari semakin gelap.

Husin dan Lim risau akan keselamatan Raju. Tambahan pula, hutan terlalu luas. Mereka tidak akan berjaya mencari Raju jika berdua sahaja.

Mereka berlari ke rumah ketua kampung. Husin menceritakan kejadian itu. Ketua kampung mengarahkan orang-orang kampung mencari Raju.

Akhirnya, mereka menemui Raju. Raju tersandar pada sebatang pokok kerana kepenatan. Raju mengucapkan terima kasih kepada semua. Dia terharu apabila semua penduduk kampung, tanpa mengira kaum, keluar mencarinya. Dia berjanji tidak akan cual lagi.

1. Apakah yang dijumpai Raju di dalam hutan?

2. Siapakah yang mengarahkan orang kampung supaya mencari Raju?

3. Di manakah mereka menjumpai Raju?

4. Sekiranya kamu sebagai Raju, apakah yang akan kamu lakukan untuk keluar dari hutan?